

16 JUL 2002

KTMB-KOMUTER/I

KTMB CADANG LANJUTKAN PERKHIDMATAN KOMUTER HINGGA KE KEPONG

Oleh: Johnny Chan

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- KTM Berhad (KTMB) bercadang untuk melanjutkan perkhidmatan komuter daripada Sentul ke Batu Caves dan seterusnya ke Selayang dan Kepong.

Perkhidmatan lanjutan ini akan membentuk Rangkaian Rel Luaran di Lembah Klang, kata pemangku ketua pegawai eksekutif KTM, Mohd Salleh Abdullah, dalam satu temuramah baru-baru ini.

"Rancangan kami adalah untuk menyiapkan kerja dalam 13 bulan dan ia akan siap menjelang 2004 atau awal 2005," tambahnya.

Tentang rancangan untuk melanjutkan perkhidmatan ke Batu Caves, beliau berkata: "Ia baik untuk pelancongan."

Sementara itu, Mohd Salleh juga memberitahu bahawa KTMB telah diminta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membantu Keretapi Sabah membaik pulih landasan rel penumpang/kargo sepanjang 130 kilometer dari Tanjung Aru di Kota Kinabalu ke Beaufort dan Tenom.

"Projek itu dibahagikan kepada tiga bahagian penting dengan langkah pertama membentuk apa yang dipanggil tindakan baik pulih yang berkaitan dengan keselamatan. Kerajaan persekutuan telah menyediakan RM28 juta untuk tujuan ini, pada asasnya untuk menggantikan jambatan dan lokomotif," katanya.

Dalam rancangan jangka pendek, katanya, KTMB telah memberitahu kerajaan tentang keperluan meningkatkan taraf keseluruhan prasarana landasan. Anggaran kos telah diserahkan kepada Unit Perancangan Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Mereka membantu," katanya tentang jawapan dari UPE. "Apa yang diperlukan adalah komitmen dari kerajaan negeri Sabah dalam mendapatkan pinjaman daripada kerajaan persekutuan untuk tujuan ini."

Mohd Salleh yang telah mengkaji keperluan pengangkutan rel di Sarawak dan Sabah, berkata langkah akan datang adalah melihat untuk jangka panjang melanjutkan perkhidmatan rel ke Pelabuhan Kota Kinabalu di Teluk Sepanggar di mana terminal kontena baru sedang dibina oleh Lembaga Pelabuhan Sabah bagi menyokong pertumbuhan industri baru di negeri itu.

Setelah selesai kerja perhubungan ke Pelabuhan Kota Kinabalu, beliau berkata adalah lebih baik untuk melihat kemungkinan mengadakan hubungan rel antara Sabah dan Sarawak.

Para pegawai di Sarawak dikatakan agak berminat dalam keretapi dalaman, khususnya dengan pembangunan Projek Elektrik Hidro Bakun yang akan menjana tenaga yang mencukupi untuk digunakan untuk rel elektrik. -- BERNAMA

SCS SHY JR